



**PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA
COMMISSIONER OF SPORTS MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PESURUHJAYA SUKAN
BILANGAN 2 TAHUN 2023**

**TAMBAHAN KEPADA PEKELILING PESURUHJAYA SUKAN
BILANGAN 1 TAHUN 2023
SENARAI SUKAN DI BAWAH JADUAL PERTAMA
AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997 [AKTA 576]**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan sebagai tambahan kepada Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 1 Tahun 2023 berkaitan sukan yang disenaraikan di bawah Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023 Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*].

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 1 Tahun 2023 berkaitan sukan yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta 576 yang telah mula berkuat kuasa pada 7 April 2023 bertujuan memberikan panduan dan rujukan mengenai aktiviti yang dikira sebagai sukan yang disenaraikan di bawah Perintah

Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023 [P.U. (A) 60/2023] Akta 576.

3. Mana-mana badan sukan yang hendak melaksanakan apa-apa aktiviti sukan perlu memohon untuk didaftarkan di bawah Akta 576. Badan sukan hendaklah bertindak sebagai badan pengelola atau badan perwakilan suatu sukan di Malaysia sama ada di peringkat kebangsaan, negeri, daerah atau kelab selaras dengan seksyen 2 di bawah Akta yang sama.

4. Sesuatu sukan yang diwakili oleh mana-mana perwakilan perlu dikawalselia oleh badan pengelola berdasarkan peraturan-peraturan atau undang-undang yang diiktiraf. Sehubungan dengan itu, adalah wajar suatu permohonan pendaftaran badan sukan turut mengambil kira peraturan-peraturan, undang-undang atau suatu kaedah yang diguna pakai untuk sukan itu.

AKTIVITI SEBAGAI SUKAN

5. Mesyuarat Pengurusan Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2023 bertarikh 11 September 2023 telah bersetuju supaya **Jadual A** iaitu perincian senarai aktiviti yang dikira sebagai sukan di bawah Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023 dipinda selaras dengan syarat pendaftaran dan mengambil kira peraturan-peraturan atau kaedah yang diguna pakai untuk suatu sukan itu.

PINDAAN JADUAL

6. Perincian Jadual A di bawah Jadual Pertama Akta 576 dipinda –
- (a) dengan memasukkan “*flag football*” di bawah *American football*;
 - (b) dengan memasukkan “*powerlifting*” di bawah angkat berat;
 - (c) dengan memasukkan “basikal dalam gelanggang” di bawah berbasikal;
 - (d) dengan memasukkan “estetik” di bawah gimnastik;
 - (e) dengan meminda “sukan tempuh halangan” kepada “sukan larian halangan” di bawah kecergasan;
 - (f) dengan mengeluarkan “*airsoft shooting*” di bawah menembak”
 - (g) dengan memasukkan “lumba jalan kaki” di bawah olahraga;
 - (h) dengan memasukkan “*tree climbing*” di bawah rekreasi;
 - (i) dengan memasukkan “*padle*” di bawah rekreasi;
 - (j) dengan memasukkan “*slingshot*” di bawah rekreasi;
 - (k) dengan memasukkan “*unicycle*” di bawah rekreasi;
 - (l) dengan mengeluarkan “*aquathlon*” di bawah sukan dalam air;

- (m) dengan memasukkan “sepak raga tuju” di bawah sepak takraw;
- (n) dengan mengeluarkan “*spearfishing*” di bawah sukan dalam air;
- (o) dengan mengeluarkan “*target shooting*” di bawah sukan dalam air;
- (p) dengan meminda “seni mempertahankan diri campuran” kepada “*mixed martial arts*” di bawah tinju;
- (q) dengan meminda “tinju tendang” kepada “*kickboxing*” di bawah tinju;
- (r) dengan memasukkan “*duathlon*” dan “*aquathlon*” di bawah *triathlon*; dan
- (s) dengan memasukkan “*wushu dao*” di bawah *wushu*.

TARIKH KUATKUASA

7. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 1 Tahun 2023 Senarai Sukan Di Bawah Jadual Pertama Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] dan berkuat kuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya, pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pesuruhjaya Sukan Rantau Sabah dan Pesuruhjaya Sukan Rantau Sarawak.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(SUHARDI BIN ALIAS)
Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Pejabat Pesuruhjaya Sukan
Malaysia
Kuala Lumpur

8 Disember 2023

JADUAL A

SENARAI SUKAN DI BAWAH JADUAL PERTAMA AKTA 576

BIL.	SUKAN
1.	Aikido
2.	Akuatik <ul style="list-style-type: none"> • <i>Diving</i> • <i>High diving</i> • Menyelamat • Polo air • Renang • Renang air terbuka • Renang artistik
3.	<i>American football</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Flag football</i>
4.	Angkat berat <ul style="list-style-type: none"> • Powerlifting
5.	Badminton
6.	Baling damak
7.	<i>Basque pelota</i>
8.	Belayar <ul style="list-style-type: none"> • Kapal layar • <i>Kiteboarding</i> • Pelayaran • Perahu layar
9.	Berbasikal <ul style="list-style-type: none"> • BMX • <i>Cyclo-Cross</i> • <i>Mountain bike</i> • Polo basikal • <i>Pushbike</i> • <i>Strider Bike</i> • Basikal dalam gelanggang

BIL.	SUKAN
10.	Berkanu <ul style="list-style-type: none"> • Berakit • Berkayak • <i>Standup Paddling</i>
11.	Berski <ul style="list-style-type: none"> • <i>Ski mountaineering</i> • <i>Snowboard</i>
12.	Besbol
13.	Biatlon
14.	Biliard <ul style="list-style-type: none"> • <i>Carom billiard</i> • <i>Pool</i> • <i>Snooker</i>
15.	Bina badan
16.	<i>Boccia</i>
17.	Bola baling <ul style="list-style-type: none"> • Bola baling pantai
18.	Bola jaring
19.	Bola keranjang
20.	Bola sepak <ul style="list-style-type: none"> • Bola sepak mini • Bola sepak pantai • Futsal
21.	Bola tampar <ul style="list-style-type: none"> • Bola tampar pantai • <i>Footvolley</i>
22.	Boling
23.	Boling padang
24.	<i>Boules</i> <ul style="list-style-type: none"> • Lyonnaise/Bocce • Petanque • Raffa
25.	Cakera terbang
26.	<i>Capoeira</i>

BIL.	SUKAN
27.	Catur <ul style="list-style-type: none"> • Chaturanga • Xiang Qi
28.	Dam <ul style="list-style-type: none"> • Go • Weiqi
29.	Daun terup
30.	<i>Dodgeball</i>
31.	<i>Fistball</i>
32.	Gasing
33.	Gimnastik <ul style="list-style-type: none"> • Aerobik • Akrobatik • Artistik • Berirama • Parkour • Trampolin • Estetik
34.	Goalball
35.	Golf <ul style="list-style-type: none"> • <i>Footgolf</i> • <i>Minigolf</i>
36.	Gusti <ul style="list-style-type: none"> • <i>Grappling</i> • Kurash • <i>Pankration</i> • Sumo
37.	Gusti lengan
38.	Hapkido
39.	Hoki <ul style="list-style-type: none"> • <i>Floorball</i> • Hoki ais • Hoki dewan • Hoki padang
40.	<i>Ice stock sport</i>

BIL.	SUKAN
41.	Judo <ul style="list-style-type: none"> • Iaido
42.	Jujitsu <ul style="list-style-type: none"> • Brazilian Jiu Jitsu
43.	Kabadi
44.	Karate <ul style="list-style-type: none"> • Tang soo do
45.	Kecergasan <ul style="list-style-type: none"> • Aerodance • Arnis • Chenshi taijiquan • Guolin qigong • J.robik • Senamrobik • Steprobic • Street workout and calisthenics • Sukan orang kuat • Taiji Qigong • Tern yun gong • Xiang gong • Sukan larian halangan
46.	<i>Kempo</i>
47.	<i>Kendo</i>
48.	<i>Korfball</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Beach korfball</i>
49.	Kriket
50.	Kurling
51.	<i>Lacrosse</i>
52.	Larian menara
53.	Lawan pedang
54.	Lompat tali
55.	Luncur <ul style="list-style-type: none"> • <i>Kitesurfing</i> • Luncur air • Luncur ombak

BIL.	SUKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Skimboarding</i> • <i>Wakesurfing</i> • <i>Waterski and wakeboard</i> • <i>Windsurfing</i>
56.	Meluncur <ul style="list-style-type: none"> • <i>Inline skating</i> • Luncur ais • <i>Roller skating</i> • <i>Skateboarding</i>
57.	Memanah <ul style="list-style-type: none"> • Memanah berkuda • Memanah tradisional
58.	Mendaki <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mountaineering</i>
59.	Mendayung
60.	Menembak <ul style="list-style-type: none"> • Menembak praktikal
61.	Olahraga <ul style="list-style-type: none"> • Larian • <i>Trail running</i> • <i>Ultra running</i> • Lumba jalan kaki
62.	<i>Orienteering</i>
63.	Paintball
64.	Pasukan sorak
65.	Pentatlon moden
66.	Perahu naga
67.	<i>Pickleball</i>
68.	Pingpong
69.	Polo
70.	Ragbi <ul style="list-style-type: none"> • Ragbi sentuh
71.	Rekreasi <ul style="list-style-type: none"> • Jombola • Karom

BIL.	SUKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Layang-layang • Rubik • <i>Scrabble</i> • <i>Table foosball</i> • <i>Wiser sport</i> • <i>Tree climbing</i> • <i>Padle</i> • <i>Slingshot</i> • <i>Unicycle</i>
72.	<i>Roundnet</i>
73.	<i>Sambo</i>
74.	Sepak takraw <ul style="list-style-type: none"> • Sepak raga • Sepak raga bulatan • Sepak raga tuju
75.	Silambam
76.	Silat olahraga
77.	Skuary
78.	Sofbol
79.	<i>Stacking sports</i>
80.	Sukan bermotor <ul style="list-style-type: none"> • ATV • <i>Go Kart</i> • Kereta kawalan jauh • <i>Motocross</i> • Motosikal • Pacuan empat roda • <i>Pocket Bike</i>
81.	Sukan bot laju <ul style="list-style-type: none"> • Jet ski • Bot kawalan jauh
82.	Sukan dalam air <ul style="list-style-type: none"> • <i>Finswimming</i> • <i>Free diving</i> • Hoki dalam air • Ragbi dalam air

BIL.	SUKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Scuba • <i>Sport diving</i> • <i>Underwater orienteering</i>
83.	Sukan ekuestrian <ul style="list-style-type: none"> • Berkuda • <i>Tent pegging</i>
84.	Sukan elektronik
85.	Sukan gelongsor <ul style="list-style-type: none"> • <i>Bobsleigh and skeleton</i> • <i>Luge</i>
86.	Sukan memancing
87.	Sukan tarian
88.	Sukan tradisional <ul style="list-style-type: none"> • Congkak • Khokho • Menyumpit • Sepak bulu ayam
89.	Sukan udara <ul style="list-style-type: none"> • <i>Aeromodelling</i> • Akrobatik • <i>BASE jumping</i> • Belon panas • <i>Drones</i> • <i>General aviation</i> • <i>Hang gliding</i> • <i>Microlights</i> • <i>Parachute</i> • <i>Paragliding</i> • Paramotor • <i>Skydiving</i>
90.	Sukan yoga
91.	Tae kwan do <ul style="list-style-type: none"> • Chun kuhn do • Moo duk kwan • Soo bahk do

BIL.	SUKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Yungmudo
92.	Tarian naga dan singa
93.	Tarik tali
94.	<i>Tchoukball</i>
95.	Tenis <ul style="list-style-type: none"> • Tenis pantai • Tenis ringan
96.	<i>Teqball</i>
97.	<i>Throwball</i>
98.	Tinju <ul style="list-style-type: none"> • Muay • <i>Mixed martial arts</i> • <i>Kickboxing</i> • Tomoi
99.	<i>Torbball</i>
100.	<i>Triathlon</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Duathlon</i> • <i>Aquathlon</i>
101.	Vovinam
102.	<i>Woodball</i>
103.	<i>Wushu</i> <ul style="list-style-type: none"> • Kung fu • Kuoshu • Sanda • Shaolin • Tai chi • Wing chun • <i>Wushu Dao</i>